



**PERUTUSAN YAB MENTERI BESAR
SEMPENA SAMBUTAN AMBANG
MAAL HIJRAH 1440H/2018M
PERINGKAT NEGERI TERENGGANU**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillahir Rahmaanir Rahim.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan dan limpah rahmatNya dapat kita sama-sama menunaikan solat maghrib berjemaah pada malam ini dan dapat mengaminkan doa akhir dan doa awal tahun Hijrah, di samping dapat bersama-sama hadir dalam **MAJLIS SAMBUTAN AMBANG MAAL HIJRAH 1440H/2018M PERINGKAT NEGERI TERENGGANU.**

Terlebih dahulu, izinkanlah saya untuk mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Penganjur yang sudi menjemput saya untuk hadir seterusnya menyampaikan Perutusan Sempena Maal Hijrah tahun 1440H pada kali ini.

**YANG BERHORMAT / DATO'-DATO' / TO' PUAN /
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN**

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk terus hidup pada saat ini. Kini kita menyambut tahun baharu 1440 Hijrah maka bertambah setahun lagi usia kita. Sesungguhnya nikmat kehidupan yang dikurniakan Allah SWT kepada kita ini wajarlah digunakan untuk meningkatkan amalan kebaikan dan ketakwaan sebagai bekalan untuk bertemu dengan Allah SWT kelak.

Lantaran itu, setiap umat Islam harus menyedari hakikat dan apa yang tersirat di sebalik Sambutan Maal Hijrah. Dengan berpandukan tema Maal Hijrah 1440 iaitu "**MENYANTUNI UMAT MEMBAWA RAHMAT**".

Saya mengajak tuan-tuan dan puan-puan serta umat Islam di negeri bertuah Darul Iman ini supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk menyebarkan dakwah kepada ummah kerana ia merupakan satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap anggota masyarakat Islam. Tanpa usaha dakwah, masyarakat akan menjadi pincang kerana perkara kebijakan tidak akan terlaksana manakala kemungkaran akan berleluasa.

Berdakwah adalah satu tugas atau tanggungjawab yang memerlukan kepada peraturan, disiplin atau perancangan rapi dalam menjaya dan melaksanakannya. Para pendakwah amatlah perlu kepada pendekatan secara berhikmah, peringatan yang baik serta berdebat dengan cara yang lebih baik. Prinsip asas dalam melaksanakan dakwah telah

dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat ke-125 yang bermaksud :

"Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk".

Di samping itu, pendakwah perlu menjaga akhlak dan moral agar menjadi contoh teladan yang baik kerana ia dapat memperlihatkan tentang kemuliaan agama

Islam yang perlu diikuti oleh orang lain. Kaedah ini dikenali sebagai “*dakwah bil hal*”. Begitu juga para pendakwah perlu kepada konsep “*dakwah bil mal*” iaitu usaha dakwah yang dilakukan melalui gerak kerja berbentuk kebajikan samada berbentuk kewangan mahupun berbentuk sumbangan tenaga dan masa.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

Sempena sambutan Maal Hijrah kali ini, marilah kita bersama-sama menghayati pengajaran penting hijrah bagaimana berlakunya peningkatan perjuangan ummah ke arah pembentukan sebuah negara Islam. Segalanya dimulai daripada dua persetiaan di Aqabah yang merintis kepada perdamaian Aus-Khzraj (kemudian dikenali golongan Ansar) dan kesediaan golongan Ansar menerima kehadiran golongan Muhajirin ke Madinah. Atas dasar mahabah dan

ukhuwah islamiah ini golongan Muhajirin dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan mereka di Madinah hasil daripada sokongan tidak berbelah bagi daripada golongan Ansar.

Signifikasi peristiwa hijrah juga sangat penting dalam konteks kenegaraan kerana ia menyaksikan termeterainya Sahifah (Piagam) Madinah yang menjamin hak politik setiap lapisan warga penduduk Madinah tanpa dibezakan dengan perbezaan agama maupun kaum. Agama Islam tampil sebagai autoriti politik utama Madinah sebagai dasar kenegaraan dalam masa yang sama, warga bukan Islam tetap mempunyai ruang sebagai seorang warganegara yang sama tarafnya dengan umat Islam dari sudut hak dan tanggungjawab. Inilah sistem kenegaraan yang berlandaskan Islam yang memberikan kesejahteraan buat ummah.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN

Saya ingin menyeru kepada semua, marilah kita bersama-sama memupuk semangat ukhuwah dan penyatuan sesama kita, kobarkan dakwah dan bersama bangunkan **Terengganu yang MAJU, BERKAT dan SEJAHTERA.** Saya juga sekali lagi, ingin mengulangi azam dan komitmen tinggi Kerajaan Negeri untuk terus melebarkan risalah dakwah Islamiah berpandukan ajaran al-Quran dan al-Sunnah dengan penuh kesantunan tanpa mengabaikan hak dan kepentingan masyarakat umum.

Akhir kalam, marilah kita sama-sama berdoa agar dengan kehadiran tahun 1440 Hijrah ini menghampirkan lagi kita kepada ketakwaan kepada Allah SWT. Semoga tema "**MENYANTUNI UMAT MEMBAWA RAHMAT**" ini, menjadi peneguh kepada cita-cita kita semua.

Selamat Menyambut Maal Hijrah 1440H

Sekian, Wabillahi Taufiq, Wal Hidayah.

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.